



KEADAAN sebuah rumah di Kampung Sungai Udang, Segambut yang dinaiki air semalam.

# Penduduk trauma setiap kali hujan turun

Oleh MOHD. TURMAZDI MADUN  
mohdturmadzi@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - "Akak dah malas dah nak ditemuramah dan ambil gambar sebab nanti diketawakan orang kerana tiada tindakan langsung dari pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini sejak tahun lalu."

Itulah antara 'sambutan' yang diterima wartawan *KOSMO!* daripada Ramlah Mohamad, 47, sebaik menyatakan hasrat untuk menemuramah mengenai kejadian banjir yang melanda rumahnya di Kampung Sungai Udang, Segambut semalam.

Bagaimanapun, usaha *KOSMO!* akhirnya mendapatkan kerjasa wanita itu selepas wartawan masuk ke dalam rumahnya dan melihat sendiri keadaannya yang 'kacau-bilau' ekoran banjir kilat.

Ramlah merupakan antara puluhan penduduk kawasan tersebut yang telah lali dengan kejadian banjir kilat yang bukan sahaja merosakkan harta benda, malah kemungkinan nyawa pun boleh melayang.

Kejadian banjir pada pukul 2.30 petang semalam merupakan yang keenam melanda rumah Ramlah yang terletak berhadapan sebatang sungai.

"Sejak kejadian banjir kali ketiga, kami terpaksa mengubah suai rumah dengan membuat para untuk menyelamatkan barang-barang yang termampu diangkat oleh kami setiap kali air masuk ke rumah," katanya yang telah 26 tahun tinggal di situ.

Cerita Ramlah, sejak kampung itu kerap dilanda banjir, keluarganya telah menang-



POKOK tumbang yang menghempap lima buah kereta di Flat Sri Selangor, Jalan San Peng, Kuala Lumpur semalam.

kerugian hampir RM20,000. Antaranya diguna untuk menukar enjin kereta dan membaiki barang-barang elektrik yang dimasuki air.

Pihak berkuasa pernah singgah di Kampung Sungai Udang itu, tetapi penduduk mendakwa hingga sekarang tiada tindakan diambil.

Selain, Kampung Sungai Udang, beberapa kawasan lain di ibu negara seperti di Jalan Sungai Besi, Jalan Tun H.S. Lee dan sekitar Cheras turut dinaiki air.

Beberapa buah kereta di kawasan tersebut tersadai di tengah jalan kerana di-

masuk air.

Dalam kejadian lain, lima buah kereta dengan tiga daripadanya remuk teruk apabila dihempap sebatang pokok besar di Perumahan Awam Dewan Bandaraya, Flat Seri Selangor pada pukul 2.45 petang.

Seorang pemilik kereta yang rosak teruk, Fong Yokek Mooi, 48, berkata, cermin belakang keretanya pecah kerana ditimpa pokok.

"Sudah bertahun-tahun saya memiliki kereta ini dan inilah kali pertama kereta saya rosak teruk dihempap pokok besar yang tumbang itu," ujarinya.